

13/10/1999

Indeks luar bukan panduan beli saham

KLANG, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan pelabur tempatan supaya tidak bergantung kepada pelabur asing dalam membuat keputusan pelaburan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Perdana Menteri berkata, pelabur asing sebenarnya yang menyebabkan indeks komposit di BSKL menjunam daripada 1,200 mata kepada paras terendah 262 mata pada September tahun lalu.

Sebaliknya, kata beliau, apabila kerajaan mengenakan kawalan modal secara berpilih, pelabur tempatan pula yang menaikkan indeks itu sehingga mencecah melebihi paras 800 mata.

"(Justeru) Apabila anda beli saham ... jangan bergantung kepada orang asing. Pelabur selalu melihat kepada Wall Street ... siapa peduli mengenai Wall Street, ia berada di tempat lain, kita menjaga Malaysia.

"Maka apabila anda fikir bahawa ekonomi akan berkembang, beli saham dan anda akan menaikkan pasaran saham dan anda akan mendapat untung," katanya.

"Pelabur tempatan mesti ingat bahawa apabila mereka membeli saham, mereka membantu diri mereka sendiri dan membantu ekonomi negara," katanya ketika merasmikan mesyuarat agung Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) di sini, hari ini.

Dr Mahathir juga menasihatkan pelabur supaya jangan mudah menjual saham terutama apabila melihat indeks komposit (IK) di BSKL naik sedikit tetapi perlu memegangnya untuk beberapa ketika.

"Janganlah terlalu cepat nak untung, pegang saham anda... percayalah saya, ia akan naik. Menjelang akhir tahun, ia akan naik sehingga 800 mata," katanya.

Beliau juga berkata, harga saham yang disebut di Central Limit Order Book (Clob) International kini adalah 150 peratus lebih tinggi berbanding September lalu apabila urusan niaga saham ini dibekukan.

Clob adalah pasaran tidak rasmi anjuran SES yang turut mendagangkan saham Malaysia. Urusan niaga saham Malaysia itu dihentikan September lalu berikutan BSKL tidak mengiktirafnya hingga menyebabkan saham itu terpaksa dipindahkan ke Malaysian Central Depositori (MCD).

"Jika kita membenarkan mereka menjualnya pada September 1998, nilai saham mereka akan hanya satu perempat daripada apa yang mereka dapat sekarang kerana harga naik," katanya.

(END)